

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN MYCOST
BAGI PUSAT TANGGUNG JAWAB (PTJ) PEJABAT KESIHATAN DAERAH –
SISTEM MYCOST *MODUL PTJ BASED COSTING (PBC)*
BAHAGIAN AKAUN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan dan menyelaras penyediaan dan penggunaan Kamus Pengekosan MyCost yang akan dilaksanakan untuk sistem MyCost Modul PBC di PTJ Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pengekosan merupakan suatu teknik untuk mengenalpasti secara terperinci kos yang terlibat dalam menghasilkan output (barang/perkhidmatan) merangkumi proses pengkelasan, perekodan, dan memperuntukkan perbelanjaan kepada output yang telah dicapai oleh sesuatu entiti/program/aktiviti Kementerian dalam tempoh tertentu bagi tujuan penentuan kos akhir setiap output yang dihasilkan.
- 2.2. Pelaksanaan MyCost di KKM meliputi PTJ yang melaksanakan fungsi utama Kementerian sahaja, terdiri daripada Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah (Klinik Kesihatan), Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah (Klinik Kesihatan Pergigian) dan Institut Pakar Perubatan.
- 2.3. Kamus Pengekosan MyCost merupakan kamus pengekosan output yang mengandungi data dan maklumat perihal output, penetapan kos komponen dan penetapan asas agihan kos.

- 2.4. Kamus Pengekosan MyCost yang seragam perlu disediakan dan digunakan oleh PTJ yang menjalankan fungsi utama Kementerian mengikut jenis kumpulan fasiliti. Penggunaan Kamus Pengekosan MyCost yang seragam untuk PTJ-PTJ di bawah kumpulan fasiliti yang sama amat penting bagi tujuan analisis perbandingan kecekapan kos dan trend kecekapan kos antara PTJ.
- 2.5. Kamus Pengekosan MyCost akan disediakan dan digunakan oleh PTJ mengikut kumpulan fasiliti yang ditetapkan seperti berikut:
- i. Hospital KKM;
 - ii. Pejabat Kesihatan Daerah (bagi fasiliti Klinik Kesihatan);
 - iii. Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah (bagi fasiliti Klinik Kesihatan Pergigian); dan
 - iv. Fasiliti Institut Pakar Perubatan.

3. TATACARA PENYEDIAAN KAMUS PENGEKOSAN MYCOST -MODUL PBC

Kamus Pengekosan MyCost merupakan *template* maklumat berkenaan pengekosan perbelanjaan PTJ yang perlu disediakan sebelum menggunakan sistem MyCost.

Terdapat tujuh (7) template di dalam Kamus Pengekosan MyCost ini dan maklumat pada Kamus Pengekosan MyCost yang telah dilengkapkan akan dikunci masuk ke dalam sistem MyCost sebagai data induk.

Maklumat pada Kamus Pengekosan MyCost ini perlu dikemaskini mengikut keperluan seperti berikut:

Template Kamus MyCost	Kekerapan Keperluan Kemaskini
1. Kod Komponen	Tiada keperluan (tindakan di peringkat BA)
2. Output / Ukuran Output	Setahun sekali (sekiranya ada perubahan)
3. Unit Ukuran	Setahun sekali (sekiranya ada perubahan)
4. Kumpulan Output	Tiada keperluan (tindakan di peringkat BA)
5. Kitaran 1	Setiap bulan (sekiranya ada)
6. Kitaran 2	Setiap bulan
7. Kitaran 3	Setahun sekali (sekiranya ada perubahan)

3.1. Penetapan Output

Output yang akan digunakan oleh PTJ merupakan output utama yang dipilih berdasarkan kriteria ditetapkan iaitu output yang melambangkan identiti PTJ dan KKM secara keseluruhan.

Berikut merupakan output yang telah ditetapkan bagi PTJ Pejabat Kesihatan Daerah:

- i. Output 1 - Rawatan Pesakit Fasiliti Statik
- ii. Output 2 - Rawatan Pesakit Fasiliti Bergerak
- iii. Output 3 - Pengurusan (tidak akan digunakan untuk analisa pengekosan)

3.2. Penetapan Kod Komponen

Kod komponen bagi komponen kos langsung, kos tak langsung dan kos overhead yang akan digunakan oleh PTJ adalah seperti yang telah ditetapkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Penyediaan Kamus MyCost yang telah diadakan bersama wakil PTJ dan Bahagian Akaun.

Bagi PTJ Pejabat Kesihatan Daerah, pemilihan kod komponen yang akan digunakan di sistem MyCost adalah **KKMkodkomponen#03**.

3.3. Agihan Kitaran 1

Tiada tindakan yang perlu dilaksanakan di Kitaran 1 kerana PTJ Pejabat Kesihatan Daerah tidak mempunyai agihan keluar Kos Overhead kepada PTJ lain.

3.4. Asas Agihan Kitaran 2

Kitaran 2 merupakan proses di MyCost untuk agihan kos kepada setiap output yang dapat ditentukan secara tepat amaunnya. Penetapan agihan kos sebenar kepada setiap output bagi tahun semasa adalah berdasarkan asas agihan yang disediakan oleh PTJ seperti yang ditetapkan sama ada berdasarkan data perbelanjaan tahun sebelum atau purata kos sebenar yang digunakan dalam penghasilan output. Maklumat di Kamus Pengekosan MyCost –Kitaran 2 perlu dikemaskini sekiranya terdapat perubahan amaun kos bagi kod akaun Kos Langsung pada bulan tersebut.

PKD akan menggunakan tiga (3) jenis kod akaun sahaja di Kitaran 2. Asas agihan bagi setiap jenis kod akaun di Kitaran 2 telah ditetapkan seperti berikut:

i. Asas Agihan Bahan Makanan / Minuman (kod akaun B0225101-B0225603)

Kos Bahan Makanan / Minuman di PTJ merupakan Kos Langsung kepada Output 1 sahaja. Oleh itu, keseluruhan perbelanjaan dibawah kod akaun ini pada bulan tersebut perlu dimasukkan ke Output 1.

ii. **Asas Agihan Bekalan Ubatan (kod akaun B0227401 atau B0627401)**

Kos Bekalan Ubatan di PTJ merupakan Kos Langsung kepada Output 1 dan Output 2.

Asas agihan perbelanjaan bekalan ubatan adalah berdasarkan peratus bilangan pesakit bagi setiap output tersebut. PTJ perlu mendapatkan maklumat bilangan pesakit tahun 2018 bagi Output 1 dan Output 2.

Maklumat bilangan pesakit di bawah kategori Output 1 dan Output 2 adalah berdasarkan data bilangan pesakit seperti di laporan / reten berikut:

a. Kategori Pesakit Fasiliti Statik (Output 1):

- i. Laporan *Outpatient Department (OPD)* (PER-PL211)
- ii. Laporan Antenatal (KIB 201B)
- iii. Laporan Postnatal (KIB 202A)
- iv. Laporan Kanak-Kanak (KKK 201A)
- v. Laporan Perancang Keluarga (PKW 201)
- vi. Laporan Papsmear (PKW 202)
- vii. Laporan Rawatan ke Rumah (KIB 206A)
- viii. Laporan Lawatan ke Sekolah (KSK 201)
- ix. Laporan Domisiliari (PPD 201)
- x. Laporan OKU (KKK 206)

b. Kategori Pesakit Fasiliti Bergerak (Output 2):

- i. Laporan Klinik Bergerak (PER-PL211)
- ii. Laporan Pasukan Bergerak (PER-PL211A)

3.5. Asas Agihan Kitaran 3

Kitaran 3 merupakan proses di MyCost untuk agihan 'cost pool' kepada semua output berdasarkan asas agihan yang telah ditetapkan.

Penentuan peratus (%) agihan perbelanjaan bagi tiga (3) output adalah berdasarkan peratus (%) bilangan kakitangan dan tempoh masa bertugas (FTE) di PTJ bagi tahun 2018.

Semua kakitangan di PTJ (termasuk kakitangan klinik kesihatan) dikategorikan kepada dua (2) kumpulan iaitu Kumpulan Perubatan (terdiri daripada skim perkhidmatan jenis UD dan UF) dan Kumpulan Pengurusan (terdiri daripada lain-lain skim perkhidmatan).

PTJ perlu mendapatkan maklumat jumlah bilangan kakitangan tahun 2018 PTJ masing-masing bagi kedua-dua kumpulan kakitangan ini. ([template 7a. Asas Agihan Kakitangan](#)). Jumlah bilangan bagi kumpulan perubatan perlu di agihkan kepada Output 1 dan Output 2 mengikut peratus (%) agihan masa bertugas untuk rawatan fasiliti kesihatan bergerak tahun 2018 ([template 7a\(i\). Tempoh Masa Bertugas](#)). Manakala jumlah bilangan kumpulan pengurusan akan dijadikan sebagai peratus agihan kepada Output 4.

4. PELAKSANAAN

- 4.1. Maklumat pada Kamus Pengekosan MyCost ini perlu dikunci masuk oleh PTJ ke sistem MyCost (sub modul Data Induk) sekali setahun (kecuali sekiranya terdapat perubahan maklumat pada kamus tersebut).

- 4.2. Semakan semula Kamus Pengekosan MyCost akan dilaksanakan mengikut keperluan dan arahan daripada Bahagian Akaun KKM.

5. MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN

PTJ boleh mengemukakan maklumbalas atau pertanyaan kepada Pegawai Bertanggungjawab di Seksyen Perakaunan Pengurusan, Bahagian Akaun KKM melalui e-mel spp@moh.gov.my.